

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | Harga hartanah suku ketiga catat penurunan |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                              |             |                     |
| Date       | 18 Nov 2020                                | Color       | Full Color          |
| Section    | Bisnes                                     | Circulation | 82,252              |
| Page No    | 45   | Readership  | 246,756             |
| Language   | Malay                                      | ArticleSize | 481 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Hazwan Faisal Mohamad                      | AdValue     | RM 15,927           |
| Frequency  | Daily                                      | PR Value    | RM 47,781           |



# Harga hartanah suku ketiga catat penurunan

Kesan pandemik belenggu prospek ekonomi negara, jejkaskan pasaran

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

**Harga** yang diminta pembeli rumah di Malaysia mula mencatatkan penurunan pada suku ketiga 2020, merentasi semua empat pasaran utama termasuk Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor.

Ia berikutan prospek ekonomi Malaysia terhadap pasaran hartanah masih dibelenggu kesan COVID-19, sekali gus menjejaskan pasaran pada suku ketiga.


Laporan Indeks Pasaran Hartanah (MPMI) PropertyGuru Malaysia mendapati, harga yang diminta pembeli hartanah secara keseluruhan di negara ini turun 1.34 peratus pada suku ketiga 2020, berbanding kenaikan masing-masing 0.38 peratus pada suku kedua dan 0.63 peratus pada suku pertama.

Buat kali pertama untuk tahun ini juga, semua pasaran utama hartanah mengalami penurunan harga.

PropertyGuru dalam kenyataannya berkata, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) terbaru berikutan peningkatan kes di kebanyakan negeri akan menjejaskan aktiviti komersial semasa dan akan datang.

"Ini menjejaskan harga yang diminta pembeli dan keseluruhan pasaran hartanah secara negatif.

"Johor mencatat penurunan



paling tinggi pada suku ketiga, dengan harga yang diminta pembeli rumah turun 2.97 peratus. Kuala Lumpur dan Selangor juga menunjukkan angka lemah masing-masing menguncup 1.35 peratus dan 1.04 peratus.

"Pulau Pinang mencatat sedikit penurunan pada suku ketiga, iaitu 0.64 peratus. Dengan sedikit penurunan dalam harga yang diminta pembeli, Pulau Pinang

adalah destinasi stabil bagi mereka yang ingin memelihara nilai aset melalui pelaburan hartanah," katanya.

Pengurus Negara PropertyGuru Malaysia, Sheldon Fernandez, berkata pasaran hartanah dan ekonomi pada umumnya memerlukan masa untuk pulih berikutan kehilangan pendapatan serta pekerjaan disebabkan COVID-19.

Katanya, kesan COVID-19 tidak

dapat dinafikan dan pemulihan ekonomi akan mengambil masa kerana ramai bergelut dengan kehilangan pendapatan serta pekerjaan.

"Namun, kajian terbaru kami menunjukkan sehingga 81 peratus rakyat Malaysia mempunyai hasrat untuk memiliki kediaman sendiri pada tahun 2021.

"Ramai berminat dengan hartanah harga di bawah RM700,000 kerana mahu menaik taraf atau mendapatkan ruang lebih besar selepas mengalami ketidakselesaan semasa perintah kawalan," katanya.

Kaji selidik itu juga mendapati Johor muncul negeri dengan jumlah rumah siap dibina tidak terjual di negara ini iaitu sebanyak 6,166 unit.

Negeri itu juga mencatatkan penurunan harga permintaan yang paling ketara.

Bagaimanapun, trend penurunan harga itu mungkin menguntungkan Johor kerana menjadikannya lebih menarik untuk pasaran domestik.

**Pasaran hartanah dan ekonomi memerlukan masa untuk pulih berikutan kehilangan pendapatan serta pekerjaan disebabkan oleh COVID-19.**

**Sheldon Fernandez,**  
Pengurus Negara  
PropertyGuru Malaysia

